



## **SIARAN MEDIA**

### **KERAJAAN TAWAR HARGA TERBAIK UNTUK TANAH KAMPONG BHARU**

KUALA LUMPUR, 24 Oktober 2019 – Lanjutan dari Sesi Town Hall pada September lepas, YB Menteri Wilayah Persekutuan telah menyatakan komitmen untuk membawa pandangan pemilik tanah mengenai isu Kampong Bharu kepada perhatian YAB Perdana Menteri.

Hasil pertemuan dan perbincangan YB Menteri Wilayah Persekutuan bersama YAB Perdana Menteri, berikut antara cadangan baharu yang telah dipersetujui:

#### **1. Tawaran Harga**

Kerajaan telah mengambil kira pandangan para pemilik tanah mengenai harga yang telah ditawarkan semasa sesi town hall yang berjumlah RM 850skp (Ringgit Malaysia: Lapan Ratus Lima Puluh satu kaki persegi). Sukacita dimaklumkan bahawa, Kerajaan telah membuat keputusan supaya tanah Kampong Bharu yang terlibat dengan pembangunan semula ini akan dibeli pada kadar RM1,000.00skp (Ringgit Malaysia: Satu Ribu satu kaki persegi)

## **2. Kaedah Pulangan**

Dari harga RM1,000.00skp tersebut, RM850 akan dibayar berdasarkan pilihan pulangan yang telah dipilih oleh para pemilik tanah, manakala baki RM150 pulangannya adalah dalam bentuk pulangan saham dalam Syarikat Tujuan Khas (SPV) yang akan ditubuhkan kelak.

Perincian dari segi struktur pegangan saham akan diperhalusi oleh agensi Kerajaan yang berkaitan dan akan dimuktamadkan sebelum perjanjian ditandatangani kelak.

## **3. Potongan Khas**

Bagi pemilik tanah yang memilih untuk membeli harta tanah dalam pembangunan yang akan dilaksanakan kelak, potongan khusus sehingga 15% akan diberikan. Potongan ini adalah tidak termasuk bagi unit-unit yang bertaraf mampu milik.

Sehubungan itu, Kerajaan ingin menyeru kepada kesemua pemilik tanah Kampong Bharu yang terlibat dalam rancangan pembangunan semula ini untuk mengemukakan borang maklumbalas mengenai perkara ini.

Keperluan mengembalikan borang tersebut adalah hanya untuk pemilik yang masih belum mengemukakan borang tersebut kepada Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) selepas sesi town hall September lepas.

Bagi pemilik yang telah mengembalikan borang tetapi telah menyatakan tidak bersetuju dengan tawaran pada ketika itu, para pemilik juga adalah

dipohon untuk mempertimbangkan semula tawaran terbaru ini dan mengembalikan semula borang maklumbalas kepada PKB.

Bagi pemilik yang telah mengembalikan borang dan telah pun menyatakan persetujuan pula, tidak perlu mengisi semula borang tersebut. Kerajaan akan mengambilkira persetujuan para pemilik selaras dengan tawaran terbaru Kerajaan secara automatik.

Borang maklumbalas tersebut boleh didapati di laman sesawang PKB atau para pemilik boleh hadir sendiri ke Pejabat PKB di Rumah Rohas, Jalan Raja Abdullah Kampong Bharu.

Tempoh selama tiga (3) minggu dari tarikh pengumuman diberikan kepada para pemilik untuk mengembalikan semula borang maklumbalas tersebut kepada PKB. (15 November 2019).

Sebarang maklumat lanjut dan terperinci para pemilik adalah dijemput untuk hadir ke Pejabat PKB pada setiap hari bekerja.

Disediakan oleh :

Seksyen Komunikasi Korporat

Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu